



Terbitan : Sinar Harian

Tarikh : 13/6/2023

M/S : 23

SINAR HARIAN • SELASA 13 JUN 2023

N.SEMBILAN • SELANGOR/KL

NEGERI | 23

Sindiket sorok dadah
dalam kontena
bermuatan guni
kacang soya

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI
NILAI

Cubaan sindiket pengedaran dadah mengaburi mata pihak berkuasa dengan menyorok bahan terlarang itu di dalam kontena bermuatan bungkusan guni kacang soya berjaya ditumpaskan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), minggu lalu.

Ketua Pengarah Kastam Datuk Zazuli Johan berkata, rampasan dadah jenis kokain seberat 302.20 kilogram (kg) itu bernilai RM60.44 juta.

"Kita telah menerima maklumat risikan daripada Direktorat Jeneral Kawalan Narkotik, Kementerian Dalam Negeri Arab Saudi mengenai sebuah kontena berukuran 6.1 meter (20 kaki) yang tiba di Pelabuhan Klang, Selangor pada 6 Jun lalu jam 9.45 malam.

"Pemeriksaan dilakukan oleh pasukan dari Cawangan Narkotik Ibu Pejabat JKDM telah menjumpai 10 beg guni mengandungi serbuk putih disyaki dadah jenis kokain seberat 302.20kg dianggarkan bernilai RM60.44 juta," katanya pada sidang akhbar di JKDM di Kampung Jijian di sini pada Isnin.

Menurutnya, sindiket itu telah mengikrarkan barangan terabit sebagai kacang soya sedangkan di dalamnya telah disorokkan dengan guni-guni mengandungi serbuk putih disyaki kokain.

Jelas beliau, hasil siasatan awal mendapati kontena berkenaan dibawa dari sebuah negara di Amerika Selatan sebelum transit ke sebuah negara di Asia Tenggara namun telah ditahan sebaik tiba di Pelabuhan Klang, Selangor.

Kontena tersebut dipercayai untuk dihantar ke sebuah negara di Asia Selatan," katanya.

Sementara itu, tambah beliau, Kastam turut berjaya merampas dadah jenis ketamin seberat 151.85kg bernilai RM9.113 juta dalam dua kes berbeza minggu lalu.

Zazuli memberitahu, dalam kes pada 6 Jun lalu, sebanyak 15 buah kotak telah disita di Kompleks Kargo Udara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, Selangor.

"Hasil pemeriksaan ke atas kotak tersebut telah menjumpai 107 bungkusan plastik mengandungi bahan ketulan putih disyaki dadah jenis ketamin seberat 126.55kg yang dianggarkan bernilai RM7.593 juta.

"Bagi mengaburi mata pihak berkuasa, sindiket itu telah



Zazuli (dua dari kanan) menunjukkan bungkusan dadah yang dirampas.

mengikrarkan barang berkenaan sebagai periuk dan pasu seramik sedangkan di dalamnya terdapat kotak berisi dadah," katanya.

Jelas beliau lagi, siasatan awal mendapati, ia diimport dari sebuah negara di Eropah dan

mendarat di KLIA sebagai destinasi terakhir.

Katanya pengimport juga menggunakan maklumat palsu di dalam dokumen pengimportan yang telah menyukarkan lagi tangkapan dibuat.

Kastam rampas 302kg kokain bernilai lebih RM60 juta